

Mahkamah Tinggi keluarkan waran tangkap terhadap Chieng Huo Ai

SIBU: Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengeluarkan waran tangkap terhadap seorang warga emas yang gagal hadir di mahkamah bagi mendengar semakan semula kes mencabul kehormatan seorang wanita orang kelainan upaya (OKU).

Waran tangkap dikeluarkan oleh hakim Wong Siong Tung terhadap Chieng Huo Ai, 60, yang sebelum ini telah dijatuhkan hukuman denda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen pada 6 September 2024, setelah mengaku bersalah atas pertuduhan terbabit.

Namun keluarga mangsa telah memfailkan permohonan semakan semula bagi mencabar hukuman denda RM8,000 yang dikenakan terhadap Chieng.

Permohonan ini dibuat selepas pihak pendakwaan tidak memfailkan rayuan

terhadap hukuman tersebut.

Menurut peguam keluarga mangsa Boston Ho, permohonan semakan semula itu dibuat kerana keluarga mangsa berpendapat hukuman itu tidak mencukupi dan tidak menggambarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan terhadap mangsa.

"Mereka percaya bahawa keadilan perlu dituntut, selain menuntut hukuman yang setimpal dan mencerminkan keserius perbuatan itu," ujarnya pada satu sidang media, semalam.

Ho memberitahu, sejak permulaan prosiding semakan di mahkamah Chieng gagal menghadiri kesemua perbicaraan dan telah berulang kali mengelak daripada hadir di mahkamah.

Hari ini (semalam), Mahkamah Tinggi, selepas meneliti perkara itu, membenarkan permohonan

mengeluarkan waran tangkap terhadap Chieng di bawah Seksyen 315 dan Seksyen 325(1) Kanun Tatacara Jenayah.

"Mahkamah seterusnya memerintahkan supaya dia direman dalam tahanan atau dihukum penjara sementara menunggu keputusan semakan, dengan kebebasan untuk memohon jaminan."

"Keputusan ini dibuat demi menuntut keadilan dan untuk memastikan mahkamah dapat mengadili kes itu dengan betul," jelasnya.

Di samping itu, keluarga mangsa turut menggesa Chieng menyerahkan diri kepada pihak berkuasa dengan segera dan menghadapi perbicaraan di mahkamah.

Mereka juga merayu orang ramai membantu mengesan tertuduh dan menghubungi balai polis berhampiran jika mempunyai maklumat



TUNTUT KEADILAN: Ho (duduk, kanan) bersama ahli keluarga mangsa serta peguam yang turut membantu beliau dalam kes tersebut iaitu Clement Hii (berdiri, kanan) dan Sii Yew Nei (berdiri, kiri).

mengenai keberadaan tertuduh.

Mahkamah Tinggi turut

menetapkan 30 Jun ini sebagai tarikh sebutan seterusnya bagi semakan kes tersebut.